



Keberkesanan Kerangka Konsep MI dalam Penentuan Kata Nama, Kata Kerja, dan Kata Adjektif

The Effectiveness of the Concept MI in the Categorisation of Nouns, Verbs, and Adjectives

Pavitira Nagaraju* & Vijayaletchumy Subramaniam

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

*Corresponding author: pavitiranagaraju@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.10.2025>

Abstract

Determining the class of words consisting of nouns, verbs and adjectives is a challenge for SJK students(T). In this context, the MI Concept, which emphasises two criteria, namely, the meaning of words, prefixes and suffixes, has been developed as a guide to facilitate the process of determining word categories. Therefore, this study was conducted to evaluate the usefulness of the MI concept, on students' ability to determine word classes. A quantitative approach with quasi-experimental methods has been used in this study. A control group of 31 students studied word classes using a conventional approach, while a treatment group of 164 students was exposed to the use of the MI Concept approach. Student performance was measured using pre- and post-test instruments. Analysis of paired t-test results showed that there were significant differences in the treatment groups' pre/post scores ($t=53.09$; $p\text{-value} < 0.05$) compared to the control group ($t=2.814$; $p\text{-value} < 0.05$). The results of this study enabled the Curriculum Development Division to include a new skill in the learning standard, the Standard Curriculum and Assessment Documents (DSKP), to help students classify words using prefixes and suffixes. This clearly indicates that the use of the MI Concept as a new insight into word class teaching that may help teachers to use new teaching strategies to improve word class identification in SJK students.

Keywords: *Lampu Isyarat Golongan Kata, Malay language, Orang Adjektif, Permainan Cam Kat, Piramid Model NasKp, SJK (T) students, word class identification*

Abstrak

Penentuan golongan kata yang terdiri daripada Kata Nama, Kata Kerja, dan Kata Adjektif menjadi cabaran kepada murid SJK(T). Sehubungan dengan itu, Konsep MI yang menekankan dua kriteria, iaitu maksud perkataan dan imbuhan telah dibangunkan sebagai panduan untuk memudahkan proses penentuan golongan kata. Kajian ini dijalankan untuk menilai kebolehgunaan Konsep MI terhadap kemahiran penentuan golongan kata dalam kalangan murid. Pendekatan kuantitatif yang melibatkan kaedah kuasi-eksperimen telah diaplikasikan. Kumpulan kawalan yang terdiri daripada 31 orang murid mempelajari golongan kata melalui pendekatan konvensional, manakala kumpulan rawatan yang terdiri daripada 164 orang murid didedahkan dengan penggunaan Konsep MI. Instrumen ujian pra dan pasca digunakan untuk mengukur tahap pencapaian murid. Hasil analisis ujian T sampel berpasangan mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pra dan pasca dalam kalangan kumpulan rawatan ($t=53.09$, nilai- $p < 0.05$) berbanding dengan kumpulan kawalan ($t=2.814$, nilai- $p < 0.05$). Hasil dapatan kajian ini membolehkan pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum untuk menambahkan satu kemahiran baharu dalam standard pembelajaran, Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) agar dapat membantu murid untuk menggolongkan kata dengan bantuan kehadiran imbuhan. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa kebolehgunaan Konsep MI yang bertindak sebagai penemuan baharu dalam aspek penentuan golongan kata dapat memberikan manfaat kepada tenaga pengajar dari aspek penggunaan strategi pengajaran baharu untuk meningkatkan kemahiran penentuan golongan kata murid SJK(T).



Kata Kunci: bahasa Melayu, Lampu Isyarat Golongan Kata, murid SJK(T), Orang Adjektif, Model Piramid NasKp, penentuan golongan kata, Permainan Cam Kata

Pengenalan

Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah jenis kebangsaan (Tamil) amat lemah ^[1] (Teo, 2014). Selain itu, ^[2] Zamri (2021) menyatakan bahawa masalah bahasa masih berleluasa sejak Laporan Fenn Wu (1951) sehingga pembentukan PPPM 2013-2025 ^[3] (KPM 2013). Lebih-lebih lagi, kegagalan penguasaan tatabahasa yang berfungsi sebagai nadi bahasa Melayu menjejaskan kualiti penulisan. Perkara ini telah disokong melalui analisis dokumen terhadap buku latihan penulisan murid yang dijalankan oleh ^[4] Revathi Raja Gopal et al. (2022). Selaras dengan perkara tersebut, kajian turut membuktikan murid menghadapi masalah semasa menentukan golongan kata sesuatu perkataan ^[5] (Pavitira Nagaraju, 2019). Selain itu, aspek pendedahan tentang pemilihan golongan kata yang betul juga tidak dititikberatkan dalam Buku Teks Bahasa Melayu yang digunakan sebagai panduan dalam menguasai bahasa Melayu di sekolah. Malahan, buku nota dan latihan tambahan juga tidak menekankan kemahiran tersebut. Murid cuma menggunakan kaedah penghafalan dan teknik teka serta jawab sekadar untuk lulus dalam peperiksaan yang menyebabkan murid menghasilkan karangan terpesong ^[6] (Nora'Azian Nahar, 2020). Tambahan pula, salah satu faktor utama yang menjejaskan kemahiran penentuan golongan murid bukan Melayu ialah penguasaan kosa kata bahasa Melayu yang terhad. Kegagalan memahami maksud perkataan menyebabkan murid sering kali memilih golongan kata yang salah. Murid tidak dapat menghuraikan idea dengan baik akibat masalah pemilihan dan penggunaan kosa kata yang sesuai ^[7] (Noor Habsah Ali & Yahya Othman, 2018). Hal ini menyebabkan murid mula mengadaptasikan perkataan daripada bahasa ibunda untuk menyampaikan idea ^[8] (Durgadevi Kupusamy et al., 2022). Selaras dengan perkara tersebut, Konsep MI telah dibangunkan sebagai panduan dalam penentuan golongan kata sesuatu perkataan dan berperanan sebagai strategi pengajaran yang menyeronokkan dalam mentransformasikan ilmu tentang penggunaan Konsep MI dalam bentuk susunan yang teratur. Tambahan pula, ^[9] Annuar Khisham Isa et al. (2021) menyatakan bahawa penggunaan sesuatu konsep, teknik, atau bahan pengajaran yang baharu dapat membantu murid untuk menguasai tatabahasa dengan lebih baik. Tatacara penyampaian Konsep MI bukan sahaja memudahkan pengajaran guru di sekolah, malahan membantu murid untuk menguasai konsep penentuan golongan kata dengan cara yang lebih interaktif dan menarik. Kepelbagaian aktiviti yang menerapkan pendekatan didik hibur akan mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Perkara ini secara langsung dapat merealisasikan salah satu hasrat PPPM (2013), iaitu warga pendidik perlu mengenal pasti dan memahami pendekatan, kaedah, teknik, amalan atau aktiviti dirancang ke arah pencapaian sekolah yang berkualiti. Oleh sebab itu, kajian ini telah dijalankan untuk menguji keberkesanan pengaplikasian Konsep MI dalam aspek penentuan golongan kata dalam kalangan murid SJK(T). Maka, kajian ini meletakkan persoalannya, iaitu sejauh manakah keberkesanan Konsep MI dalam kalangan murid SJK(T) untuk mengenal pasti golongan kata dengan mudahnya?

Metodologi

Hasil dapatan ini telah dianalisis berdasarkan pendekatan kuantitatif. Proses penilaian kebolehgunaan Konsep MI telah dinilai dengan menggunakan kaedah kuasi-eksperimen, iaitu melibatkan ujian pra dan pasca. Ujian pra dan pasca telah dibangunkan berdasarkan perkataan yang diambil daripada Buku Teks Bahasa Melayu dari Tahun 1 hingga Tahun 6 untuk menguji pengetahuan murid tentang golongan kata sebelum dan selepas pengaplikasian Konsep MI. Buku teks merupakan buku yang telah disediakan oleh KPM. Oleh itu, ujian yang disediakan mempunyai kesahihan yang tinggi kerana maklumat telah diambil



melalui dokumen yang telah dikeluarkan oleh pakar dalam bidang yang berkaitan. Selain itu, kajian ini telah dijalankan di enam buah SJK(T) di daerah Kuala Selangor. Dua buah sekolah yang terdiri daripada 31 orang murid dipilih sebagai kumpulan rawatan, iaitu kumpulan yang akan menerima pengetahuan tentang penentuan golongan kata berdasarkan Konsep MI, manakala 4 buah sekolah lagi yang terdiri daripada 164 orang murid terpilih sebagai kumpulan kawalan ialah kumpulan murid yang akan belajar tentang aspek golongan kata berdasarkan pembelajaran secara konvensional. Pengkaji mengaplikasikan kaedah pengiraan markah yang digunakan di sekolah dan juga disemak serta dipersetujui oleh pakar yang terdiri daripada guru subjek BM SJK(T) yang berpengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun. Pengkaji telah menggunakan Ujian T Sampel Berpasangan (Paired T-test) untuk membandingkan keputusan pra dan pasca bagi kumpulan kawalan dan rawatan. Dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi. 25.0. Statistik deskriptif digunakan untuk menggambarkan data kajian yang merangkumi jumlah sampel, nilai minimum, nilai maksimum, nilai min dan sisihan piawai.

Dapatan

Berikut ialah hipotesis nol bagi Ujian T Sampel Berpasangan:

1. Tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian kumpulan kawalan dalam ujian pra dan pasca
2. Tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian kumpulan rawatan dalam ujian pra dan pasca

Jadual 1
Ujian T Sampel Berpasangan bagi kumpulan kawalan (konvensional) dan rawatan (Konsep MI).

Selang keyakinan 95%							
	Min	S. P	Nilai rendah	Nilai tinggi	t	df	Nilai-p
Pra_Konvensional	-						
Pasca_Konvensional	2.45161	4.85001	-4.23061	-.67262	-2.814	30	.009
Pra_Konsep MI	-						
Pasca_Konsep MI	58.0000	13.99123	-60.15734	-55.84266	-53.088	163	.000

Nota. S.P – sisihan piawai, df – darjah kebebasan

Perbincangan dan Kesimpulan

Berdasarkan Jadual 1, analisis ujian T sampel berpasangan bagi kumpulan kawalan (kaedah konvensional) menunjukkan terdapat perbezaan antara markah ujian pra dan pasca, iaitu $T(31) = -2.814$, nilai-p kurang daripada 0.05. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam purata markah kumpulan kawalan, tetapi tidak begitu banyak jika dibandingkan dengan markah yang diperolehi oleh kumpulan rawatan (Konsep MI). Nilai sisihan piawai yang kecil juga menunjukkan bahawa markah ujian pasca yang diperolehi dikelompokkan rapat sekitar markah purata. Keputusan markah murid daripada pembelajaran melalui kaedah konvensional yang menunjukkan signifikan berjaya menolak hipotesis nol 1. Dapatan ini membuktikan bahawa pengajaran berdasarkan pendekatan konvensional, iaitu pengajaran berpusatkan guru yang melibatkan deria pendengaran membawa perubahan dalam impak pembelajaran murid, tetapi dalam skala yang kecil. Gaya pembelajaran murid turut mempengaruhi aspek ini kerana terdapat juga murid yang mempunyai strategi pembelajaran berdasarkan pendengaran, maka pendekatan ini amat sesuai untuk murid sedemikian. Oleh sebab itu,



terdapat perubahan dalam jurang yang kecil. Selain itu, perkara ini turut dipersetujui oleh ^[10] Farah Adlina Mokter (2019) yang mendapati bahawa strategi pembelajaran kemahiran mendengar menjadi kemahiran asas dalam penguasaan bahasa pelajar Cina dan India. Hal ini kerana penggunaan kemahiran mendengar yang berkesan membuatkan daya pemahaman murid meningkat dan secara langsung melonjakkan penguasaan bahasa ^[11] (Zamri Mahamod et al., 2016). Namun demikian, kemahiran mendengar sahaja tidak mencukupi dalam penguasaan bahasa kerana murid penutur bukan jati didapati mempraktikkan kepelbagaian strategi semasa pembelajaran bahasa Melayu ^[12] (Mohamad Yazid Mohamad, 2016). Pelonjakan pencapaian murid dalam skala yang kecil berdasarkan pendekatan berpusatkan guru dapat dibesarkan melalui penggabungan beberapa elemen menarik dalam pembelajaran bahasa Melayu. Seterusnya, pengkaji meneliti pencapaian murid kumpulan rawatan yang mengikuti pembelajaran golongan kata melalui Konsep MI dalam ujian pra dan pasca. Dapatan kajian membuktikan bahawa murid memperoleh purata perbezaan markah sebanyak 58 dengan nilai sisihan piawai yang besar, iaitu 13.99 menggambarkan bahawa markah yang diperoleh dalam ujian pasca jauh baik daripada markah yang diperoleh dalam ujian pra. Di samping itu, analisis ujian T sampel berpasangan juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan markah ujian pra dan pasca yang amat signifikan bagi kumpulan rawatan, $T(164) = -53.09$, nilai- p kurang daripada 0.05. Oleh sebab itu, hipotesis nol 2 ditolak. Perkara ini jelas membuktikan bahawa pendedahan aspek penentuan golongan kata menerusi pengaplikasian Konsep MI yang merangkumi Lampu Isyarat Golongan Kata, Orang Adjektif, Model Piramid NAsKp, dan Permainan Cam Kata meningkatkan kemahiran penentuan golongan kata dalam kalangan murid SJK(T). Konsep MI yang menekankan pembelajaran berpusatkan murid dan pendekatan didik hibur berupaya melancarkan proses penyampaian pengetahuan serta memberikan peluang kepada murid untuk menggunakan pemikiran kritis dan kreatif untuk menghasilkan pengetahuan baharu berdasarkan pengetahuan yang disampaikan. Hal ini kerana kepelbagaian pendekatan PdP terutamanya dalam pembelajaran bahasa Melayu dibuktikan dapat melancarkan kemahiran lisan dan memupuk minat murid dalam pembelajaran ^[13] (Deeneswary & Nasri, 2021). Oleh sebab itu, pendekatan berkualiti yang menerapkan unsur kreativiti perlu ditingkatkan dengan membawa, menyediakan dan mengamalkan model yang menjadi teladan kepada murid ^[14] (Chong et al., 2017).

Dapatan ini sejajar dengan pandangan ^[15] Siti Rohani Jasni et al. (2018) yang menyatakan bahawa pembelajaran yang mengaitkan unsur permainan merupakan salah satu kaedah pemusatan pelajar yang menarik minat dan menggalakkan murid bergiat aktif dalam pembelajaran bahasa kedua. Perkara tersebut telah dibuktikan oleh ^[16] Liu et al. (2020) yang mendapat pencapaian kumpulan pelajar yang mengikuti pembelajaran berasaskan permainan jauh lebih tinggi berbanding dengan Kumpulan kawalan. Tambahan pula, kepelbagaian bahan bantu mengajar daripada menjurus kepada satu arah membolehkan murid bergiat aktif dan seronok. Perkara ini turut dibuktikan oleh ^[17] Fariah Hussain et al. (2020) yang menyatakan bahawa kepelbagaian bahan bantu mengajar menjadikan suasana penyampaian PdP menarik dan pengajaran menjadi berkesan. Justeru, dapatan fasa penilaian kebolegunaan jelas membuktikan bahawa keberkesanan penggunaan kepelbagaian elemen yang diterapkan dalam Konsep MI berupaya membawa impak positif dalam pencapaian murid. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan konvensional yang melibatkan deria pendengaran berupaya membawa perubahan dalam skala yang kecil, namun pembelajaran Konsep MI dengan penggabungan pelbagai elemen terbukti boleh membawa impak dalam skala yang besar.



Pernyataan Etika

Kajian ini telah dijalankan setelah mendapat kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui surat (No. Rujukan: KPM.600-3/2/3-eras (19780).

Pernyataan KRediT Penulis

Pavitira Nagaraju: Anotasi Teks, Pengkonsepkan, dan Penulisan; Vijayaletchumy Subramaniam: Semakan dan Penyuntingan.

Penghargaan

Kajian ini telah dilaksanakan melalui sokongan Geran Putra IPS (GP-IPS/2021/9703200), Universiti Putra Malaysia (UPM). Seterusnya, penyelidik hendak merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada para SISC+ Bahasa, pegawai PPD, Ketua Panitia Bahasa Melayu SJK(T), dan guru-guru Bahasa Melayu SJK(T) yang terlibat atas pemberian ruang yang selesa untuk menjalankan penyelidikan tersebut.

Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja ini.

Rujukan

- [1] Teo Kok Seong. (2014). *Siri Wacana Pemartaban Bahasa Kebangsaan*. Muzium Diraja, Istana Negara Lama. Kuala Lumpur pada 24 Februari 2014.
- [2] Zamri Mahamod. (2021). *Psikolinguistik dan Pengajaran Bahasa (4th Edition)*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [3] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar.
- [4] Revathi Raja Gopal, Dahlia Janan, & Nasir Masran. (2022). Kekangan Kemahiran Membina Ayat Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tahun Empat SJKT. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001916. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1916>
- [5] Pavitira Nagaraju. (2019). *Penguasaan Kata Nama Terbitan dalam kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan Pembangunan Modul Pembelajaran* [Master's thesis, Universiti Putra Malaysia].
- [6] Nora'Azian Nahar. (2020). Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif Di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). *Issues in Language Studies*, 9(1), 107-123.
- [7] Noor Habsah Ali & Yahya Othman. (2018). Strategi pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Melanau daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 33-41.
- [8] Durgadevi Kupusamy, Mardian Shah Omar & Nurul Haniza Samsudin. (2022). Kemahiran Bertutur dalam Kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Seremban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12 (02), 154-160.



- [9] Annuar Khisham Isa, Zaitul Azma Zainon Hamzah & Sharil Nizam Sha'ri. (2021). Tahap Penguasaan Penggunaan Kata Kerja dalam kalangan Pelajar di Tingkatan Empat Sekolah Berasrama Penuh: Level of Mastery in Using Verbs Among Form Four Full Boarding Schools Students. *PENDETA*, 12(1), 90–104.
- [10] Farah Adlina Mokter. (2019). Keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Masalah Terhadap Pencapaian Dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Pelajar Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu (The Effectiveness of Problem Based Learning on Achievement and Students Higher Order Thinking Skills in Malay Language Essay Writing). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(3), 33-46.
- [11] Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2016). Penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (1): 38- 51.
- [12] Mohamad Yazid Mohamad (2016). *Kekerapan penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah jenis kebangsaan Cina*. [Thesis Dissertation: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia]
- [13] Deeneswary & Nasri, N. M. (2021). Sikap dan motivasi murid india sekolah rendah pedalaman Tamil dalam mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 331-341.
- [14] Chong, O. S., Zamri Mahamod, & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2017). Meneroka kaedah pengajaran guru cemerlang bahasa Melayu Negeri Sarawak: Satu kajian kes (Exploring teaching methods of Sarawak Malay language excellent teacher: A case study). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 93-108.
- [15] Siti Rohani Jasni, Suhaila Zailani & Hakim Zainal. (2018). Pendekatan gamifikasi dalam pembelajaran bahasa Arab. *Journal of Fatwa Management and Research, Special Edition*, 358-367.
- [16] Liu, Z-Y., Zaffar Ahmed Shaikh & Gazizova, F. (2020). Using the concept of game-based learning in education. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 15(14), 53-64.
- [17] Fariah Hussain, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Maimun Aqsha Lubis Abidin Lubis, Mohammad Zamri Jusoh. (2020). Amalan Bahan Bantu Pengajaran Guru dalam Pengajaran Nahu Kurikulum Bersepadu Dini Sekolah Agama, *Jurnal'Ulwan* 5, 1(2020), 134-145.